

## KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN PEJABAT BENDAHARI

---

KUiTTHO.(PB)10.12/04 ( )

Tarikh: Mac 2004

### PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2004

Semua Pengurus Bahagian  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Asalamualaikum w.b.t,

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

### DASAR PEMBERIAN KENDERAAN RASMI DAN ELAUN GANTIAN KENDERAAN RASMI

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan dasar pemberian kenderaan rasmi dan elaun gantian kenderaan rasmi Universiti.

Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah bersetuju untuk Universiti ini untuk menggunakan Pekeliling ini seperti berikut:-

#### 1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 memperuntukkan (perenggan 26), bahawa peruntukan kenderaan rasmi bagi kakitangan universiti hanya dikhaskan bagi kakitangan yang berada di atas tanggagaji Gred Utama/Khas A, Utama/Khas B dan Utama/Khas C. Walaubagaimana pun mereka yang berada di tanggagaji Gred Khas C, hanya akan diberi kemudahan ini sekiranya mereka memegang jawatan Timbalan Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan atau Ketua Jabatan.
- 1.2 Seterusnya melalui surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia rujukan: KK/BP(S) 10/13/438/3 JD.3 SK.1/2002 (18) bertarikh 11 Jun 2001 yang disalinkan kepada semua Naib Canselor mentakrifkan **“Ketua Jabatan”** sebagai: **“Pegawai yang dilantik untuk mengetuai sesebuah Fakulti/Pusat Pengajian/Sekolah atau yang setaraf”**.
- 1.3 Walaubagaimana pun sebagai sebuah badan berkanun, universiti boleh menerima sepenuhnya atau menerima dengan pindaan atau tidak menerima pakai pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Berbendaharaan.

**2.0 DASAR PEMBERIAN KENDERAAN RASMI DAN ELAUN GANTIAN  
KENDERAAN RASMI, KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

2.1 Kaedah pemberian Kenderaan Rasmi Universiti dan Elaun Gantian Kenderaan.

<b>BIL</b>	<b>KELAYAKAN</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>PEMBERIAN</b>
1	Tanggagaji Gred Utama/Khas 'A'	Rektor	<p>Kereta Rasmi Universiti (Proton Perdana V6 Executive Edition)</p> <p>Universiti menanggung kos minyak petrol kereta rasmi bagi perjalanan dari rumah ke pejabat dan balik.</p>
2	Tanggagaji Gred Utama/Khas B hingga Gred Utama/Khas C	Timbalan Rektor Pendaftar Bendahari Ketua Pustakawan Dekan-Dekan <i>'Ketua Jabatan' setaraf dengan Dekan (sehingga 2003- Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Hartabina, Pengarah Perhubungan Antarabangsa, Pengarah Penyelidikan, Perundingan dan Pengajian Berterusan)</i>	Opsyen samada menerima Kereta Rasmi Universiti (Proton Perdana V6 Standard Edition) Atau menerima Elaun Gantian Kenderaan Rasmi sebanyak RM 500.00
3	Tanggagaji Gred Khas C	Timbalan Dekan	Menerima Elaun Gantian Kenderaan Rasmi sebanyak RM 500.00

4	<p>Gred 54 yang memegang jawatan yang setaraf dengan Dekan dan Pegawai-Pegawai Pengurusan Universiti</p>	<p>Dekan  <i>'Ketua Jabatan'</i>          setaraf dengan          Dekan  <b>(sehingga 2003-</b>  <b>Pengarah</b>  <b>Pembangunan dan</b>  <b>Pengurusan</b>  <b>Hartabina,</b>  <b>Pengarah</b>  <b>Perhubungan</b>  <b>Antarabangsa,</b>  <b>Pengarah</b>  <b>Penyelidikan,</b>  <b>Perundingan dan</b>  <b>Pengajian</b>  <b>Berterusan)</b></p> <p><b><i>Pendaftar</i></b></p> <p><b><i>Bendahari</i></b></p> <p><b><i>Ketua Pustakawan</i></b></p>	<p>Menerima Kereta Jabatan Proton Waja 1.6</p>
---	--	--	--

2.2 Kaedah Pengiraan Kos Minyak Petrol untuk kegunaan Kereta Rasmi Universiti adalah berikut:

- 2.2.1 Bagi perjalanan dari rumah ke pejabat dan balik dalam tiap-tiap bulan, pegawai adalah layak dibekalkan dengan menggunakan inden kerajaan;
- 2.2.2 Perjalanan termasuk untuk balik makan tengahari;
- 2.2.3 Jumlah bekalan petrol adalah dikira berasaskan jauh perjalanan dari rumah ke pejabat dan balik sebanyak 2 kali perjalanan sehari bagi 25 hari sebulan;
- 2.2.4 Jarak jauh dari rumah ke pejabat (33 km) dan dari pejabat ke rumah (33 km) **hanya dikira tidak melebihi 'stesen'** iaitu satu lingkungan kawasan 33 km dari pejabat tempat bertugas.
- 2.2.5 Formula cara pengiraan;

contoh: Jauh dari rumah ke pejabat dan balik = 66 km

Jumlah minyak yang boleh dibekalkan dalam sebulan:

$$\frac{66 \times 2 \times 25}{6} = 550 \text{ liter} \times \text{harga minyak semasa}$$

### **3.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

**HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

 6007

- s.k
1. Yang Berbahagia Rektor, KUiTTHO
  2. Timbalan Rektor (HEP)
  3. Timbalan Rektor (Akademik)
  4. Pendaftar